

217 premis dan pasar tani diperiksa

KLUANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kluang memeriksa sebanyak 217 premis dan pasar tani sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2019 bermula 20 Oktober sehingga 2 November lalu.

Ketua Cawangannya, Mohd Zulazre Mokeri berkata, pihaknya berjaya mengejaskan tiga kes membabitkan kesalahan tidak meletakkan tanda harga berwarna merah jambu dan tidak meletakkan tanda harga pada barang harga terkawal.

"Semua kes terbabit telah diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sejak awal tahun ini sebanyak 5,628 pemeriksaan dilakukan bagi memastikan proses jual beli barang dilakukan mengikut prosedur sepatutnya.

"Dalam operasi itu secara keseluruhan para peniaga mematuhi peraturan

HARI : SABTU
TARIKH : 9/11/2019
M/SURAT : 33



Zulazre ketika memeriksa tanda harga salah satu premis perniagaan dalam operasi berkenaan.

ditetapkan KPDNHEP seperti pematuhan meletakkan tanda harga dan penggunaan alat timbang yang disahkan.

"Buat masa ini, hanya sebilangan kecil sahaja peniaga masih ingkar dan untuk itu kita juga telah mengambil tindakan yang sepatutnya," katanya.